



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

KPWKM KOMITED MEMPERKASA WANITA MENERUSI PROGRAM KEPIMPINAN

KUCHING, 11 FEBRUARI - Sambutan Hari Wanita Antarabangsa peringkat Zon Borneo telah disempurnakan perasmiannya oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat di UCSI Sarawak hari ini.

Sambutan tahun 2025 bakal mencipta sejarah tersendiri apabila disambut di lima lokasi berbeza mengikut zon iaitu Zon Borneo, Timur, Selatan, Tengah dan Utara. Sarawak dipilih untuk membuka tirai mewakili zon Borneo dengan penekanan diberikan kepada aspek kepimpinan serta wanita progresif.

Sambutan mengikut zon diambil bagi tujuan menyantuni lebih ramai kumpulan sasar khususnya wanita dan dalam masa yang sama dapat menyebarkan maklumat bagi memperkasakan wanita, meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan kesaksamaan gender dan menggalakkan sinergi antara pelbagai pihak berkepentingan.

YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri dalam ucapannya berkata bahawa Kementerian sentiasa komited untuk memperkasakan aspek kepimpinan dan wanita progresif menerusi pelaksanaan Program Perantisan Kepimpinan Wanita atau PERANTIS. Projek yang dimulakan pada tahun 2024 ini bertujuan untuk melahirkan lebih ramai wanita yang berkemampuan memimpin dalam pelbagai bidang, serta memberi mereka platform untuk mengasah kemahiran kepimpinan melalui latihan dan pengalaman praktikal.

Pelaksanaan PERANTIS pada tahun lalu telah menarik penyertaan seramai 1,247 orang peserta dengan bimbingan 25 orang tokoh wanita. Menerusi inisiatif Belanjawan 2025, program PERANTIS terus diberikan keutamaan dengan peruntukan sebanyak RM5 juta dan disasarkan seramai 5,000 wanita akan menerima manfaat melalui bimbingan daripada 100 tokoh wanita. Inisiatif ini juga selari dengan tema sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2025 yang ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), iaitu *For ALL women and girls: Rights. Equality. Empowerment.*

Antara acara utama yang akan berlangsung sepanjang sambutan ini ialah forum dan seminar yang menampilkan wanita-wanita berjaya serta tokoh-tokoh terkemuka untuk berkongsi ilmu dan pengalaman dengan peserta. Sambutan ini juga akan menyaksikan penganugerahan kepada wanita-wanita hebat yang telah memberi sumbangan besar kepada masyarakat. Sebagai negara yang menandatangani Deklarasi Beijing pada tahun 1995, Malaysia mara mengorak langkah untuk memastikan bahawa prinsip kesaksamaan gender dan hak asasi manusia akan terus ditegakkan.

Turut hadir YB Dato Sri Hajah Fatimah Abdullah, Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak Dan Kesejahteraan Komuniti Sarawak, YB Datuk Flovia Ng, Pembantu Menteri Pembangunan Masyarakat Dan Kesejahteraan Rakyat Negeri Sabah, YBhg. Datuk Dr. Maziah Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM, YBrs. Puan Hanani Sapit, Ketua Pengarah JPW, dan pegawai-pegawai kanan Kementerian, Jabatan dan Agensi KPWKM.

####

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
11 FEBRUARI 2025**